# 37 kematian akibat COVID-19 direkodkan semalam

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Disember 17, 2021 @ 10:34am
luqman.arif@bh.com.my




Sebanyak 37 kematian berikutan COVID-19 direkodkan semalam, berbanding 33 kes, kelmarin.- Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Sebanyak 37 kematian berikutan COVID-19 direkodkan semalam, berbanding 33 kes, kelmarin.

Berdasarkan laman sesawang github kendalian Kementerian Kesihatan (KKM), empat kes kematian di luar kemudahan kesihatan (BID) turut direkodkan setakat tengah malam tadi.

Secara perbandingan, Pulau Pinang mencatatkan jumlah kematian tertinggi dengan enam kes, diikuti masing-masing empat kes di Johor, Kedah, Perak dan Terengganu.

Tiga kes kematian pula direkodkan di Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor, manakala Sabah serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing-masing dua kes.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Hampir semua negeri catat peningkatan kes susulan rentas negeri
- 'Waspada virus COVID-19 ikut pulang ke rumah'
- KKM bersedia hadapi gelombang keempat COVID-19
- 40 kematian akibat COVID-19 semalam

Kelantan dan Melaka hanya mencatatkan satu kematian, sementara Perlis, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan serta Putrajaya sifar kes kematian.

Setakat tengah malam tadi, kadar penggunaan katil hospital di beberapa negeri berada pada paras kategori merah, iaitu lebih 70 peratus daripada kapasiti.




TERKINI

- 8m Jangan gadai masa depan, ambil iktibar kegagalan PH
- 9m Sungai Kelantan catat paras amaran
- 20m Taufan Rai badai Filipina, sekurang-kurang 1 maut
- 35m Gandingan Dominic, Cools berisiko tinggi - Berbegeth
- 37m Penduduk Kuala Krai diminta bersiap sedia
- 38m Aksi depan kamera berbeza di TikTok
- 00m Bursa Malaysia dibuka rendah
- 53m Agong berkenan terima menghadap Perdana Menteri







VAKSIN